

# Sejam habis licin!

■ Dua kontena pakaian diedarkan sempena Pasar Percuma Raya

Shahrinnahar Latif  
cnnews@NSTP.com.my

## Kuantan

**S**ebanyak dua kontena pakaian habis diedarkan kepada orang ramai dalam tempoh sejam sempena program Pasar Percuma Raya di Universiti Malaysia Pahang (UMP), Gambang di sini semalam.

"Hari ini (semalam), terdapat 600 pasang baju kurung, 50 pasang baju Melayu, 30 kotak baju-T dan pelbagai jenis lagi yang habis dalam tempoh tidak sampai sejam selepas program bermula jam 10.30 pagi.

"Kira-kira 1,000 orang membanjiri kawasan ini sejak jam 9 pagi untuk me-

ump (MATAHARI), Profesor Datuk Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim berkata, program anjuran bersama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP itu bertujuan membantu golongan kurang berkecukupan mendapatkan pakaian sesuai.

"Hari ini (semalam), terdapat 600 pasang baju kurung, 50 pasang baju Melayu, 30 kotak baju-T dan pelbagai jenis lagi yang habis dalam tempoh tidak sampai sejam selepas program bermula jam 10.30 pagi.

"Kira-kira 1,000 orang membanjiri kawasan ini sejak jam 9 pagi untuk me-



PENGUNJUNG memilih pakaian yang diberi percuma pada Program Pasar Percuma Raya di UMP, Gambang.

ngambil pakaian percuma dan rata-ratanya adalah penduduk setempat, pemutur dan kakitangan UMP," kata-

nya ketika diinterview pada program berkenaan semalam.

Hadir sama, Pengarah Program Pasar Percuma@UMP, Paridah Mohd Ali.

Mimi Sakinah berkata, semua pakaian berkenaan dikumpul sejak dua minggu lalu hasil sumbangan

orang ramai dan kakitangan UMP.

"Pasar percuma ini hanya menggunakan senyuman dan ucapan terima kasih tanpa sebarang urus niaga membabitkan wang ringgit. Ini sebahagian usaha menggalakkan orang ramai menyumbang," katanya.

Sementara itu, pengunjung, Azhar Abdul Aziz, 52,

**FAKTA**  
1,000 orang datang sejak jam 9 pagi untuk mengambil pakaian percuma

berkata, dia dan dua ahli keluarganya ke pasar itu sejak jam 9 pagi untuk mendapatkan pakaian percuma.

"Bagus buat program seperti ini kerana secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan beban golongan kurang berkecukupan dalam buat persiapan Aidilfitri," katanya di Sungai Ra-sau, di sini.